

**NOTIS****FENOMENA 'SUN OUTAGE'**

Untuk makluman, terdapat gangguan terhadap isyarat dari satelit berikutan fenomena 'sun outage' yang turut menjejaskan isyarat DTT di 12 stesen pemancar TVRO MYTV yang dijangka berlaku daripada 19 September – 29 September 2021 di antara jam 3.00 petang sehingga 3:30 petang.

Kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

No.	Pemancar	Lokasi	Negeri	Kawasan liputan
				Daerah
1	Kuala Rompin	Rompin	Pahang	Rompin
2	Bukit Sembilan	Muadzam Shah	Pahang	Bukit Ibam, Muadzam Shah
3	Bukit Senggora	Maran	Pahang	Maran, Chenor, Chini
4	Kemuning	Kemaman	Terengganu	Kemaman
5	Bukit Bintang	Jerteh	Terengganu	Besut, Setiu, Jerteh, Permaisuri
6	Pulau Pangkor	Pulau Pangkor	Perak	P. Pangkor, Teluk Batik
7	Gunung Ancharang	Miri	Sarawak	Niah
8	Belaga	Belaga	Sarawak	Belaga
9	Bukit Kapit	Kapit	Sarawak	Kapit
10	Bukit Singgalang	Dalat	Sarawak	Mukah, Oya, Dalat
11	TM Sarikei	Sarikei	Sarawak	Bintangor, Meradong, Sarikei
12	Seratok	Seratok	Sarawak	Kabong, Kalaka, Pusa, Roban, Saratok, Saribas

**Maklumat berkaitan 'Sun Outage' untuk pengetahuan bersama.****1. Apakah yang dimaksudkan dengan Fenomena 'Sun Outage'?**

Ia merupakan fenomena semulajadi yang berlaku ketika radiasi matahari berada pada kedudukan selari dengan satelit dan bumi. Tenaga solar akan menjejaskan isyarat satelit yang sampai ke stesen bumi.

**2. Apakah kesan gangguan isyarat dan berapa lamakah ianya mungkin akan berlaku?**

Kesan dari gangguan isyarat tersebut ialah gambar yang membeku dan/atau gangguan audio untuk tempoh antara 3 hingga 15 minit.

Pusat Khidmat Pelanggan MYTV 1300-80-88



3. Apakah yang perlu saya lakukan?

Gangguan penerimaan isyarat ini berlaku di dalam tempoh beberapa minit sahaja. Anda tidak perlu membuat sebarang penalaan semula.

Sekiranya anda memerlukan bantuan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami di talian 1300-80-6988.

Pusat Khidmat Pelanggan MYTV 1300-80-88

[www.mytvbroadcasting.my](http://www.mytvbroadcasting.my)